



Normah Omar

BM 18/09/2019 ms 23

## Pengarah ARI UiTM terima anugerah GIFA di Cape Town

**Kuala Lumpur:** Pengarah Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Prof Dr Normah Omar menerima penganugerahan 'Pencapaian Sepanjang Hayat GIFA' pada majlis Anugerah Kewangan Islam Global (GIFA) di Cape Town, Afrika Selatan, kelmarin.

Penganugerahan itu selepas Normah dinobatkan sebagai wanita paling berpengaruh dalam bidang kewangan Islam oleh Cambridge International Finance Advisory, Jun lalu.

Beliau ketika menerima anugerah itu mengucapkan rasa syukur terhadap pemilihannya, malah berterima kasih kepada UiTM kerana sering menyokongnya sejak beberapa tahun ini.

Sementara itu, Pengerusi jawatankuasa penganugerahan itu, Prof Dr Humayon Dar, menyifatkan anugerah itu bagi meraikan kejayaan dan sumbangan Normah dalam perkembangan industri kewangan Islam.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Normah yang disifatkan mempunyai tahap kepemimpinan dan inisiatif bertaraf dunia yang memberi sumbangan dalam bidang terbabit.

Normah adalah perintis dalam kriminologi kewangan Islam dan semangatnya dalam bidang itu menjadi inspirasi kepada semua, seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam, malah di bawah kepimpinannya, ARI menerima penghormatan tertinggi oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 2010.

Normah juga mencatat sejarah pada 2017 apabila dilantik wanita pertama oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk berada dalam 'Program Pensijilan Anti Rasuah, malah beliau juga memegang beberapa posisi pada peringkat negara termasuk berusaha meningkatkan status usahawan wanita melalui produk kewangan Islam terbaru.

Beliau turut menjadi mentor kepada ramai pengamal akademik, selain pendapatnya diterima baik pemimpin berpengaruh.